

12/08/1998

India rangka dasar IT kebangsaan

INDIA, dalam usaha mempertingkatkan lagi penyertaan secara aktif dalam industri teknologi maklumat (IT) dunia dan tempatan bercadang melantik tokoh terkemuka dalam industri berkenaan untuk memberi panduan bagi merangka polisi IT kebangsaan.

Menurut laporan akhbar Times of India, kerajaan bercadang membentuk majlis penasihat IT kebangsaan yang dianggotai tokoh terkemuka seperti pengasas Microsoft, Bill Gates; Ketua Eksekutif Intel Corp, Craig Barrett dan peramal masa depan Alvin Toffler.

Selain itu, kerajaan bercadang melantik Mr Strategy Kenichi Ohmae, pengasas teori dunia tanpa sempadan dan guru digital yang juga Pengarah Institut Teknologi Massachusetts, Nicholas Negroponte.

Majlis penasihat yang akan ditubuhkan dijangka mempunyai kira-kira 30 ahli yang mana ahlinya terdiri daripada gabungan kepakaran tempatan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang industri.

Antara nama tokoh korporat India yang dicadangkan kepada kerajaan bagi menganggotai majlis itu ialah Ketua Eksekutif Kumpulan Tata, Ratan Tata; pemilik kumpulan syarikat petrokimia dan kain Reliance Ltd, Mukesh Ambani dan pemilik rangkaian firma komputer terbesar di India, Shiv Nadar.

Penubuhan majlis IT kebangsaan itu bertujuan memberi nasihat kepada kerajaan, langkah dan strategi yang perlu dilakukan dalam usaha mempertingkatkan dan menggalakkan pertumbuhan eksport dalam pasaran perisian.

Industri perisian India mencatatkan rekod eksport dengan mencatatkan AS\$1.7 bilion dalam tahun fiskal pada Mac lalu, iaitu kenaikan sebanyak 65 peratus.

Penyertaan tokoh terkemuka itu akan dapat memberi input berguna kepada majlis dalam semua aspek seperti perkakasan, perisian, kewangan, polisi dan kesan IT terhadap masyarakat.

Penubuhan majlis penasihat IT itu adalah selari dengan tindakan Malaysia yang menubuhkan panel penasihat antarabangsa (IAP) bagi inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC yang diwujudkan kerajaan bertujuan untuk membangunkan industri multimedia tempatan dan membentuk masyarakat kaya maklumat dan berilmu. IAP yang dianggotai tokoh terkemuka industri IT dunia mempunyai lebih 30 ahli.

IAP yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditubuhkan bertujuan untuk memberi idea kepada kerajaan dan MSC bagaimana hendak menerokai pelbagai peluang yang ada dalam era digital dan multimedia.

(END)